

PENGAMALAN MUZIK TRADISIONAL TABOH DALAM BUDAYA IBAN DI SARAWAK

Noria Tugang*

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan, Malaysia

Anna Durin

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan, Malaysia

*Corresponding author

E-mail: tnoria@faca.unimas.my

ABSTRACT

In the Iban society, taboh is one of their traditional music. Taboh refers to the tune produced by Iban traditional music instrument. Taboh has a special place amongst the Iban society in Sarawak. This is because taboh is considered as a cultural identity despite relationship between the Iban people or between the Iban people and the gods and supernatural beings. Taboh is not just a tune produced by the musical instruments but also brings symbolic meaning and certain philosophy. Hence, taboh is still a relevant practice until today. There are few musical instruments played in the taboh Iban music namely gendang, engkerumong, tawak and bebundai. However, tawak is the main musical instrument used to produce taboh amongst the Iban music. Performance of the taboh music vary according to occasion. Occasion namely such as ajat dance and ngajat, a new longhouse was built, blessing of new longhouse, uncloud moon esclipse, healing ritual, and gawai kenyalang festival. Apart from that, is also played for gawai ritual specifically *gawai naku antu pala*, also to summon the gods and supernatural beings two week before gawai festival. Summon of gods is to get blessing in the Iban daily life. Taboh is also used as a messenger for all the Iban longhouse.

Key Words: *Taboh, Iban Traditional Dance, Symbol, Festival, Gods*

ABSTRAK

Dalam masyarakat Iban, ada sejenis muzik tradisional yang dikenali sebagai taboh. Taboh ialah bermaksud bunyi-bunyi alat muzik yang dihasilkan menerusi permainan alat muzik tradisional masyarakat Iban. Taboh mempunyai tempat yang amat penting dan istimewa dalam masyarakat Iban. Ini kerana taboh dianggap sebagai simbol identiti atau pengenalan diri orang Iban, sama ada di antara orang Iban dengan orang Iban atau di antara orang Iban dengan petara (tuhan) mereka atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain. Taboh bukan sahaja merupakan bunyi objek yang dihasilkan melalui permainan alat muzik dan menghasilkan bunyi-bunyi yang sedap didengar, malah merupakan suatu bunyi yang mempunyai makna simbolik dan falsafah tertentu. Justeru itu, pengamalan taboh dalam budaya Iban masih relevan sehingga ke hari ini. Terdapat beberapa alat muzik tradisional taboh, iaitu gendang, engkerumong, tawak dan bebundai, namun tawak merupakan alat muzik utama yang dimainkan dalam kesemua muzik taboh Iban. Dalam budaya Iban, muzik taboh dimainkan bergantung kepada keperluan sesuatu keramaian itu, contohnya apabila masyarakat Iban mengadakan tarian Ajat, mendirikan tiang untuk pembinaan rumah panjang baru, ritual gawai bagi memberkati rumah panjang baru, menghidupkan bulan gerhana, taboh untuk ritual gawai naku antu pala, taboh memanggil petara (tuhan) turun dari langit dua minggu sebelum masyarakat Iban mengadakan ritual gawai, taboh untuk mendirikan pandong gawai, taboh untuk mengubatan orang sakit, taboh untuk ritual gawai kenyalang dan taboh untuk memberitahu ada berlaku kecemasan di rumah panjang. Tujuan muzik taboh dimainkan dalam ritu-